



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Kuala Lumpur** yang masih sah tempohnya dalam **Gred G2, Kategori CE dan Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (Sekiranya Ada)** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2024/7

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN TIGA BUAH GELANGGANG INDOOR DAN KEMUDAHAN TENIS DI PUSAT TENIS NASIONAL, KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA

TARIKH IKLAN : 20 MAC 2024 (RABU)

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 27 MAC 2024 (RABU)
JAM 12.00 TENGAH HARI**

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula 20 Mac 2024 (Rabu).
2. Lawatan tapak adalah **DIGALAKKAN**. Penyebut harga dinasihatkan supaya melawat tapak sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan lokasi tapak yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah perkhidmatan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan lokasi tapak tidak akan dilayan. **Penyebut harga boleh menghubungi pegawai Perbadanan yang dinyatakan di Perkara 12 untuk urusan lawatan tapak.**
3. Mana – mana penyebut harga yang mengemukakan surat **"Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan"** atau surat **"Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah"** yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**

4. Dokumen sebut harga boleh diambil bermula pada **20 Mac 2024 (Rabu) di Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pengambilan sebut harga.
5. Bagi tujuan pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) sebut harga yang dikeluarkan oleh Perbadanan.
6. Pemilik / wakil dari syarikat lain tidak dibenarkan untuk mengambil dan menyerahkan dokumen sebut harga bagi syarikat bukan miliknya.
7. Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja.
8. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 27 Mac 2024 (Rabu). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
9. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
10. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
11. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
12. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Mohamad Azmil Azri bin Yusof
(azmil@stadium.gov.my)

017-9891779

Dokumentasi

Yusyahira Azni Bt Che Mohd Azmi
(yusyahira@stadium.gov.my)

03-89920834